

Dr. M puas hati pencapaian LIMA '99

UM - 5 DEC 1999

14

LANGKAWI 4 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berpuas hati dengan pencapaian Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) '99 edisi kelima ini yang dianggap terbaik berbanding semua pameran terdahulu.

Perdana Menteri juga gembira dan kagum kerana LIMA telah mencapai kemajuan yang begitu cepat sehingga di luar dugaan.

"Semuanya menunjukkan peningkatan, daripada saiz hinggalah penyertaan syarikat asing, peniagaan yang bermula hasil LIMA dan projek-projek usaha sama," ujar beliau pada sidang akhbar di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, di sini hari ini.

LIMA '99 yang akan berakhir esok, menyaksikan hampir 900 syarikat dari 42 negara mengambil bahagian untuk segmen udara dan maritim.

Menurut Dr. Mahathir, hasil penganjuran LIMA, Malaysia telah mencatat kemajuan yang baik dalam industri aeroangkasa.

"Kita sudah berupaya memanjangkan rangka pesawat Hercules C-130, mereka bentuk pesawat dan membangunkan kemahiran tempatan tentang simulator penerbangan, semua ini berlaku lebih cepat daripada yang saya sangka," jelasnya.

Ditanya harapan beliau, Dr. Mahathir berkata, biarpun Malaysia tidak dapat membina pesawat besar, tenaga mahir tempatan sudah boleh mereka bentuk dan mengeluarkan pesawat lain yang terdiri daripada pelbagai jenis.

Katanya, Malaysia pada LIMA '99 juga telah meninggalkan kesan lebih ketara kerana semua syarikat tempatan bergabung mengadakan pameran berbanding secara berasingan sebelum ini.

Katanya, satu lagi kesan positif LIMA ialah ia telah mencetuskan minat yang ketara rakyat Malaysia khususnya belia tentang aktiviti penerbangan.

"Mereka ini sudah berminat tentang jenis-jenis kapal terbang sehingga ada membina pesawat eksperimental," katanya.